

NO. SOALAN: 17

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DR. MANSOR BIN ABD RAHMAN
[SIK]**

RUJUKAN : 6929

SOALAN:

Dr. Mansor bin Abd Rahman [Sik] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapakah statistik jumlah dan pecahan negara asal PATI yang telah ditangkap sepanjang OPS Bersepadu dijalankan dan apakah tindakan pihak Kementerian terhadap individu yang terlibat bersengkongkol membawa masuk PATI.

JAWAPAN:

Jumlah Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang ditangkap semasa Ops Bersepadu dilaksanakan iaitu dari 1 September 2013 hingga 26 Mei 2014 adalah seramai 31,762 orang. Pecahan negara asal PATI yang ditangkap daripada lima (5) negara yang paling ramai adalah dari Indonesia, Myanmar, Bangladesh, Filipina dan Nepal.

Bagi individu dan majikan yang terlibat bersekongkol membawa masuk PATI, tindakan perundangan yang akan dikenakan adalah hukuman denda, sebat dan hukuman penjara

NO. SOALAN: 18

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DR. MANSOR BIN ABD RAHMAN [SIK]

RUJUKAN : 6930

SOALAN:

Dr. Mansor bin Abd Rahman [Sik] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bagi menjamin kestabilan, keselamatan negara dan rakyat khususnya, nyatakan langkah-langkah yang digariskan oleh pihak Kementerian dan agensi-agensi keselamatan lain dalam memastikan negara ini bebas daripada ancaman militan dan penjenayah dari luar negara.

JAWAPAN:

Kerajaan memandang serius terhadap sebarang bentuk ancaman termasuk ancaman militan dan penjenayah dari luar Negara. Sesungguhnya keselamatan dan ketenteraman awam yang dikehendaki di Negara ini amat tinggi nilainya dan ia perlu dipertahankan. Sehubungan itu, bagi memastikan rakyat hidup dalam keadaan aman dan sejahtera daripada sebarang ancaman militan dan penjenayah dari luar negara, Kementerian Dalam Negeri melalui PDRM sentiasa memantau dan mengadakan kerjasama berterusan di samping bertukar-tukar maklumat risikan dengan agensi-agensi keselamatan negara luar khususnya Negara-negara ASEAN. Di sini Kerajaan memberi jaminan akan menggunakan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 yang mempunyai peruntukan yang mencukupi bagi membendung aktiviti militan dan penjenayah dari luar Negara ini.

Kerajaan juga turut menjalankan aktiviti kempen-kempen kesedaran dan ceramah-ceramah berhubung keselamatan dan ketenteraman awam yang dianjurkan oleh pihak berkuasa terutama PDRM sendiri dengan kerjasama lain-lain agensi. Kempen-kempen dan ceramah-ceramah ini bertujuan untuk menerangkan tentang bahayanya jika terlibat dengan kegiatan militan dan jenayah ke atas keselamatan negara.

NO. SOALAN: 19

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DR. MANSOR BIN ABD RAHMAN [SIK]

RUJUKAN : 6931

SOALAN:

Dr. Mansor bin Abd Rahman [Sik] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan Kementerian terhadap sindiket pemalsuan dokumen-dokumen Kerajaan Malaysia oleh orang-orang yang disyaki (jika ada) di kalangan kakitangan Kerajaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) memandang berat dan memberikan perhatian serius terhadap sindiket pemalsuan dokumen dan sentiasa mengadakan langkah-langkah kawalan seperti menggunakan kertas keselamatan yang bertanda ‘watermark’ supaya sukar dipalsukan.

KDN akan mengambil tindakan terhadap individu atau sindiket yang terlibat memalsukan dokumen dengan membuat laporan kepada pihak polis untuk membuat siasatan. Individu atau sindiket yang didapati terlibat dalam pemalsuan dokumen, akan didakwa di bawah peruntukan Kanun Keseksaan atau *Penal Code* (Akta 574): **463 – Forgery and 464 Making a False Document**